
UNTUK EDARAN KAKITANGAN
PERPUSTAKAAN SAHAJA



SEKAPUR SIREH

Dengan tidak disedarinya, JENDELA telah berusia genap satu tahun. Sepanjang tahun ini, 5 keluaran JENDELA (termasuk keluaran ini) telah diterbitkan dan Sidang Pengarang JENDELA merasa gembira dengan sokongan dan bantuan yang telah ditunjukkan selama ini bagi menjayakan buletin kita ini. Diharap sokongan seperti ini akan kekal semasa JENDELA memasuki tahun kedua penerbitannya.

Setiap usaha patut dikajikan semula dan maklumbalas patut diperolehi supaya usaha tersebut dapat diperbaiki lagi. Demikian juga dengan penerbitan JENDELA. Untuk membantu kami mengeluarkan sebuah buletin yang lebih menarik dan berfaedah untuk anda, kami mengalu-alukan komen-komen dan kritikan yang membina. Satu borang penilaian bagi maksud ini telah dilampirkan dengan keluaran ini.

Sebagai penutup, Sidang Pengarang JENDELA mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan sokongan para pembaca selama ini. Semoga pada tahun baru (1987) ini, kita dapat berusaha bersama demi perkembangan diri, kerjaya dan Perpustakaan.

KANDUNGAN

	<u>m.s.</u>
Rencana	2
Laporan	6
Ulasan Penyelidikan/Artikel	7
Berita-berita	9
Hal ehwal kakitangan	10
Aktiviti Astaka	11
Sumber Ilham	13
Peraduan Menulis Esei	15
Perhubungan Awam	16
Ucapan	20
Borang Penilaian	25

Sidang Pengarang:

Lillian Woon (Ketua Pengarang)
Aznan Omar
Mary Vergis
Mohd Noor Din
Mohd Fisol Ghadzali
Norma Bahri
Sakinah Che Embi
Lim Chee Hong
(Penasihat)

Penghargaan kepada:

Kamaruddin Bidin &
Ismail Abu (Pencetak)



THE OFFICIAL SECRETS ACT (AMENDMENTS 1986) AND LIBRARIANSHIP

by Ramli Samad

By the time this short note gets printed in JENDELA, the amendments to the Official Secrets Act 1972 would probably have gotten its second reading in the Malaysian Parliament before finally becoming law.

However, it is not too late to raise the issue of the Official Secrets Act's implications to the field of librarianship as librarians are supposed to be dealing with information, regardless of its sources. Government agencies at various levels - federal, state and local - concern themselves with almost all aspects of our lives: from registering our births and deaths to regulating our education, leisure, work, travel, food and shelter and even the quality of the air we breathe. A massive amount of data is collected and published in the course of these activities: Governments, in other words, are deeply involved in generating information.

The literature on government information in Malaysia has usually stressed the political aspects and the role of the press in reporting government actions, or it has dealt with the moral questions of freedom of information and privacy. There has been quite a lot written about the administrative side of government information as that is the area which most affects the individual's daily life.

Political information refers to input, to the "why" of government activity, to the reasoning behind a particular policy or the way a decision was made. Administrative information refers to outcomes, to what happens as a result of policy - the consequences of political decisions.

With the amendments to the Official Secrets Act, the Malaysian Government can decide as official secret any document, information and material relating to:

1. records of decisions and deliberations of the Cabinet and Cabinet committees,
2. records of decisions and deliberations of State Executive Councils and State Executive Committees,

3. national security, defence and international relations,

Thus "official secrets" have been given an all-embracing, all-encompassing coverage so that the public will know only what the Government wants it to know. The proposed amendments have sparked off much opposition particularly from freedom lovers ranging from political bodies to social and professional organisations. They protested that the Government should choose public wisdom and not operate in secret. The people should have the right to know how the Government operates, why it makes certain decisions, how it spends money, how well it works and on what information its policies are based. Furthermore, this gives the public a chance to find out who benefits from its actions. The Official Secrets Act also contradicts the declared promise of an open government.

Librarians as a whole, have not shown much public interest in this controversy. The national professional body, the Persatuan Perpustakaan Malaysia, as well as nationally reputed librarians have been silent on this issue.* I think one of the first questions that we need to ask is why a librarian should have an interest in this issue, although basically all citizens should be interested in the freedom of information because as Nader has said: "Secrecy is the incubator of corruption."

Librarians should realise that they are in a position to foster and encourage freedom of speech and the freedom to read, both of which are essential to a democratic way of life. The freedom of information must be viewed in democracy as an unalterable right. Official secrets should be confined to subjects such as defence, security and international relations. The concept of free access to information, particularly that which affects the lives of the people should be upheld. I think that is the basic justification for librarians to be concerned with the Official Secrets Act issue.

However I am afraid that librarians who have traditionally been the custodians of information and knowledge have remained inactive and do not move with changing times. They have been notoriously timid and like so many Hamlets, have stood irresolute before the act of making a decision. "How far do I go?" is not an easy question to answer but the dilemma must be resolved. Do librarians deny freedom of information because there is no merit to the particular expression under consideration? Or do they do it because of their personal partialities or because they fear the censor?

*Editor's note: A number of senior librarians in fact has submitted a memorandum to the Government on this issue.

Librarians should be guided with the idealistic tone of the Freedom of Information Act currently being advocated, and other statements which advocate the right of citizens to information. There may be times during crises where the wisest course of action might be to do nothing; but there may be other occasions, as in the middle of the Official Secrets Act controversy, to state, like Martin Luther King: "Here I stand - I cannot do otherwise".

"Those who expect to reap the blessings of freedom must undergo likewise, the fatigue of supporting it"

- Thomas Paine

REFERENCES

1. Anderson, A.J. Problems in Intellectual Freedom and Censorship. Bowker, New York, 1974.
2. Aliran. Eight OSA. Penang, 1986.
3. Booke, Ann. Government Information, ALJ, v.29, no.1 (Feb. 1980), p 13-19.
4. Hortow, Allan. Freedom of Information and Public Interest Movement, In "Proceedings of LAA-NZLA Conference", Christchurch, New Zealand, Jan 19-23, 1981.
5. The Star, 9 November 1986, p 9.

Pembinaan Kawasan Membaca di Tingkat Bawah (Basement) Perpustakaan Utama

Kerja-kerja sedang dijalankan untuk membina kawasan membaca di Tingkat Bawah Perpustakaan (di sebelah bilik jubah). Menurut Encik Lim Huck Tee, ruang membaca tersebut akan dapat diletakkan lebihkurang 400 tempat duduk, dan dijangka akan siap pada bulan Januari 1987. Ini akan bermakna kesesatan tempat duduk di Perpustakaan, terutamanya menjelang masa peperiksaan, akan dikurang.

PERKHIDMATAN MIDAS

MIDAS adalah singkatan kepada perkhidmatan Maklumat Industri dan Sains, iaitu, perkhidmatan maklumat perdagangan dan teknikal dari Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Perkhidmatan ini telah dimulakan pada tahun 1974 dan menumpu kepada sektor industri dan perdagangan di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia.

Ahli-ahli MIDAS membayar yuran tahunan sebanyak \$100.00 bagi ahli pertama. 2 orang ahli tambahan dikenakan bayaran sebanyak \$25.00 seorang. Buat masa ini bilangan ahli MIDAS ialah 104 ahli syarikat dan 224 ahli perseorangan.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan

- Pinjaman buku, majalah, laporan teknikal, sewaan filem dan pita video.

- Buletin MIDAS

Buletin ini dikeluarkan dua bulan sekali, dan mengandungi maklumat teknikal dan perdagangan, ulasan buku, keluaran terbaru dan maklumat am mengenai perdagangan. Perkhidmatan kesedaran kemaskini membantu ahli-ahli mendapatkan maklumat terbaru di dalam bidang masing-masing. Lebih kurang 250 tajuk majalah kini dan abstrak disemak untuk tujuan ini.

- Pencarian maklumat

Pencarian maklumat secara manual dan berkomputer, senarai bacaan bagi topik-topik tertentu juga dibuat atas permintaan ahli-ahli.

- Perkhidmatan fotokopi

- Perkhidmatan terjemahan

Atas permintaan ahli-ahli, terjemahan kertas-kertas laporan teknikal juga dikendalikan.

- Perkhidmatan Perunding

Ahli-ahli dibenarkan menggunakan perkhidmatan Penyelidikan dan Perundingan Industri U.S.M. yang memberi perkhidmatan profesyenal, penggunaan alat-alat, 'testing' dan perundingan.

Perkhidmatan MIDAS ialah salah satu perkhidmatan dan kemudahan universiti yang diberikan kepada industri-industri dan masyarakat luar. Oleh itu ianya memainkan peranan yang penting di dalam meningkatkan perhubungan antara sektor industri dan perdagangan dengan pusat pengajian tinggi.



LAPORAN LAWATAN KE FIRMA-FIRMA/
AHLI MIDAS PADA BULAN NOVEMBER 1986

Tujuan lawatan ini adalah seperti berikut:

- Berjumpa/berkenalan dengan ahli-ahli MIDAS.
- Memperkenalkan SISMAKOM secara Talian dan menentukan keperluan-keperluan baru serta mendapatkan cadangan-cadangan baru bagi perkhidmatan ini.
- Mendapat maklumbalas tentang keberkesanan Bul•tin MIDAS.

Firma-firma yang dilawati adalah firma-firma yang telah lama menjadi ahli MIDAS, dan yang terletak di kawasan Pulau Pinang sahaja.

3 orang pegawai ikhtisas Bahagian Rujukan dan Maklumat telah membuat lawatan ke 47 buah firma, 22 firma di kawasan Perusahaan Prai dan Mak Mandin, 15 firma di kawasan Bandar Pulau Pinang, 10 firma di kawasan Perdagangan Bebas, Bayan Lepas. 11 buah firma tidak dapat kami lawati oleh kerana mereka telah membatalkan perjumpaan pada saat akhir kerana sebab-sebab tertentu. Seramai 87 ahli telah ditemui.

Selain dari berbual untuk mendapatkan maklumat dan pandangan, satu soal selidik juga diberi kepada semua ahli-ahli MIDAS.


Pada keseluruhannya, ahli-ahli MIDAS telah menyuarakan rasa puashati terhadap perkhidmatan yang diberikan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perkhidmatan yang kurang digunakan oleh kerana ahli-ahli tidak mengetahui wujudnya perkhidmatan itu.

Beberapa cadangan dan saranan telah dikemukakan bagi memperbaiki perkhidmatan MIDAS.

Lawatan ini didapati sangat berguna oleh kerana kakitangan dapat berkenalan dengan ahli-ahli MIDAS dan dengan secara dekat dapat mengetahui keperluan-keperluan mereka. Semua cadangan yang mereka kemukakan akan dipertimbangkan.

NIYR

ULASAN PENYELIDIKAN/ARTIKEL



Elizabeth Esteve-Coll. Marketing and the Academic Library. *Information and Library Manager*. Vol 5, no 3, Dec 85

Artikel ini telah membincangkan bagaimana sebuah perpustakaan akademik boleh memberi perkhidmatan yang lebih berkesan dengan menggunakan pendekatan pemasaran. Menurut Esteve-Coll, perpustakaan akademik telah lama berkhidmat untuk sekumpulan pengguna yang terkurung dan dalam satu alam sekitar yang bebas dari persaingan. Tetapi perkembangan masa kini, seperti potongan budget dan tanggungjawab awam ("public accountability") serta tekanan untuk mewujudkan satu imej yang baik bermakna perpustakaan akademik itu tidak dapat berjalan dalam sebuah vakum.

Beliau telah memajukan pandangan bahawa konsep pemasaran (seperti yang dipraktikkan di dalam sektor swasta, iaitu di dalam bidang perniagaan) boleh digunakan untuk tujuan memberi perkhidmatan yang sesuai dan cekap kepada pengguna perpustakaan akademik. Ini bermakna perpustakaan mesti mengkaji secara aktifnya, keperluan-keperluan para pengguna dan selepas itu cuba mengadakan perkhidmatan yang akan memuaskan keperluan-keperluan ini. Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Esteve-Coll ialah mengadakan **soal selidik** tentang keperluan pengguna-pengguna, menghadiri syarahan-syarahan dan seminar-seminar bagi siswazah dan pra-siswazah, berbincang dengan kakitangan akademik secara formal dan tidak formal, menyusun pameran-pameran yang sesuai, dan mengadakan perhubungan awam yang lebih giat dengan masyarakat seperti lawatan murid-murid sekolah dan memberi maklumat melalui radio.

Konsep pemasaran ini juga difikirkan penting sekiranya perpustakaan akademik ingin memainkan peranan yang aktif dalam perubahan teknologi yang kini sedang membawa kesan-kesan kepada semua aspek kehidupan kita, termasuk di dalam bidang pendidikan. **Walau** bagaimanapun, kegunaan pendekatan ini bergantung kepada kesedaran dan pengakuan kakitangan perpustakaan terhadap kepentingan untuk menyampaikan perkhidmatan yang cekap dan memuaskan kepada para pengguna. Seperti yang ditulis oleh Esteve-Coll: "After all, if there were no students, none of us would have jobs."

WWY

Catatan Ketua Pengarang:

Semua artikel dalam keluaran Information and Library Manager ini adalah berkenaan dengan konsep pemasaran dan perpustakaan akademik. ~~Idea-idea~~ yang dikemukakan itu membawa implikasi yang menarik kepada perancangan perkhidmatan di Perpustakaan kita sendiri. Pandangan tuan/puan mengenai setakat mana konsep pemasaran sedang ~~dipraktikkan~~ atau boleh ~~dipraktikkan~~ oleh Perpustakaan kita dialu-alukan.

HOPE FOR LIBRARIANS

At a Symposium organised by the International Physicians for the Prevention of Nuclear War in October 1986, participants were asked this question: "When the nuclear bomb explodes, who should doctors treat first?" John Dawson, head of the Professional, Scientific and International Affairs Division of the British Medical Association, suggested that the following might get priority*

- * MARKET GARDENERS, with experience of farming small plots
- * MECHANICS and ENGINEERS
- * NURSES
- * LIBRARIANS ("if you are to rebuild the community, you must have access to all the information you can lay your hands on")
- * CHILDREN ("if we don't try to save the children, we have no future, though they are dependent and unskilled and take resources away from useful adults")

- report from The Star, 27.10.86

EDITOR: So who says that being a librarian has no future???

BERITA - BERITA

Pada hari Isnin 29hb. September 1986, Cik Jane Ann Lindley dari Congressional Research Service, Library of Congress telah memberi ceramah tentang perkhidmatan rujukan dan maklumat kepada ahli-ahli Congress Amerika Syarikat serta menunjuk pertunjukan pita video mengenai aktiviti-aktiviti ini.



Seramai tujuh orang peserta dari Brunei, Cook Islands, Indonesia, Thailand, Tonga dan Vanuatu di bawah Program Kerjasama Teknik Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia telah membuat lawatan ringkas ke Perpustakaan ini pada 3 November 1986. Semasa di sini mereka telah melawat Bahagian Perkhidmatan Media, serta diberi penerangan mengenai sistem MALMARC, Perkhidmatan SDI, demonstrasi pengisian DOBIS/LIBIS, dan demonstrasi serta penerangan mengenai pengisian 'package' CDS/ISIS untuk mikrokomputer.



Rashidah Begum (Bahagian Automasi) dan Noor Ida bt. Yang Rashdi (Bahagian Rujukan) telah menghadiri "Congress of Muslim Librarians and Information Scientists" di Universiti Utara Malaysia pada 20 - 22 Oktober 1986. Persidangan tersebut bertema "Access to Information in the Muslim World".



Sebuah simposium mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada perniagaan kecil dan sederhana bertajuk "Symposium on Support Services, Facilities and Incentives for Small and Medium Enterprises" telah diadakan pada 30 November 1986 di Hotel Shangrila. Kakitangan tersebut telah menghadiri Simposium tersebut: Chang Siw Lai, Fawzia Dawood, Norma Bahri, Lilian Woon dan Yeoh Hoong Kheng.


HAL-ENWAL KAKITANGAN

Kakitangan Baru Perpustakaan Utama

1. Louu Ka Hong - Penyunting Sambilan (15.10.1986)
2. Khoo Beng Choo - Jurutrengkas Tingkatan Kanan (15.11.1986)
(Ditukar dari Jabatan Canselori, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan)


Pertukaran Jabatan

Puan Noor Salma Noor Lajis, Jurutrengkas Tingkatan Kanan bertukar ke Jabatan Canselori, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan pada 15 November 1986.



Tahniah kepada kakitangan berikut atas kelahiran cahaya mata:

Akhiar Salleh	-	Perempuan
Atx Swee Eng	-	Perempuan
Fauziah Hashim	-	Lelaki
Masrah Zainal Abidin	-	Lelaki
Nor Edzan Hj. Che Nasir	-	Perempuan
Abd. Basheer Abdullah	-	Lelaki



AKTIVITI ASTAKA

Temasya Sukan ASTAKA 1986

Pada tahun ini seperti tahun-tahun yang lalu, ASTAKA telah mengadakan Temasya Sukan Tahunan pada 10hb. November hingga 3hb. Disember 1986. Acara-acara yang telah dipertandingkan adalah seperti berikut:

<u>Permainan</u>	<u>Pasukan yang menang</u>	<u>Keputusan</u>
1. Bola Tampar	Pasukan A	3 - 1
2. Hoki	Pasukan A	4 - 2
3. Bola Jaring	Pasukan A	15 - 10
4. Sepak Takraw	Pasukan A	2 - 1
5. Tarik Tali	Pasukan B	2 - 0
6. Bola Sepak	Pasukan B	4 - 1
7. Karem	Pasukan B	3 - 2

Keputusan

Pada keseluruhannya Pasukan A telah diistiharkan sebagai juara pesta sukan ASTAKA 1986 dan memenangi piala pusingan setelah mengalahkan Pasukan B dengan keputusan 4 permainan berbalas 3 permainan.

Acara-acara permainan yang telah dijadualkan telah berjalan dengan lincin dan lancar dan sambutan ahli-ahli yang terlibat dalam permainan itu adalah menggalakkan.

TTS

Jamuan Teh Perpisahan untuk Puan Noor Salma bt Noor Lajis dan untuk mengalu-alukan kedatangan kakitangan baru.

Jamuan teh perpisahan untuk Puan Noor Salma yang telah ditukar ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) mulai dari 15hb. November 1986 telah diadakan pada 2hb. Disember 1986 bertempat di Bilik Rehat Kakitangan. Majlis ini juga telah mengalu-alukan kedatangan kakitangan baru iaitu Puan Khoo Beng Choo yang telah menggantikan tempat Puan Noor Salma dan penyunting baru Cik Loo Ka Hong. Seramai 65 orang kakitangan perpustakaan telah menghadiri jamuan ini.

AS

Mesyuarat Agung Tahunan ASTAKA Ke9

Mesyuarat Agung Tahunan ASTAKA ke-9 telah diadakan pada 29hb. November 1986, jam 2.00 petang bertempat di bangunan 328A. Seramai 36 orang ahli telah hadir. Nampaknya sambutan pada tahun ini agak dingin sedikit jika dibandingkan pada tahun sebelumnya. ASTAKA juga telah menyediakan makanan tengahari kepada semua ahli-ahli yang hadir. Dalam mesyuarat ini, Ahli-ahli Jawatankuasa yang telah terpilih untuk tahun 1986/87 adalah seperti berikut:

Presiden : Encik Lim Chee Hong
Naib Presiden : Encik Muniandy Ramayah
Setiausaha : Encik Mohd Pisol Ghadzali
P. Setiausaha : Cik Woo Kok Peng
Bendahari : Encik Quah Kung Hai
Setiausaha Sosial : Encik Muniandy Rajamanickam
Penolong S. Sosial : Cik Lily Oh Seng Yin
Setiausaha Sukan : Encik Omar Charkim
Penolong S. Sukan : Encik Nor Adzam Baba
Wakil Kakitangan Iktisas : Cik Fawzia Dawood
Wakil Kerani/Jurutrengkas dan Kerani Rendah : Encik Vijayasekran
Wakil Penjilid/Operator Mikrofilem dan Juruteknik Rendah : Encik Ismail Abu
Wakil Jurutaip/Operator Key punch dan Operator Teleks : Puan Angela Lau Sen Kim
Wakil Atenden dan Pekerja Am : Encik K. Kaliappan
Wakil Perpustakaan Perubatan : Encik Wan Zahari Wan Din
Juruodit : Encik Wong Peng Kit

mpg

Majlis Makan Malam ASTAKA dan Penyampaian Hadiah.

Pada tahun ini Majlis Makan Malam dan Penyampaian Hadiah ASTAKA telah diadakan pada 13hb. Disember 1986, bertempat di Dewan Pusat Mahasiswa. Seramai 75 orang kakitangan perpustakaan dan tetamu telah menghadiri majlis tersebut. Acara-acara kemuncak pada tahun ini ialah pertandingan menyanyi, menari dan teka kacang. Bintang ASTAKA pada tahun ini jatuh kepada Wan Zahari bin Wan Din dari Perpustakaan Perubatan dan naib johan ialah Mohd Nasir bin Ibrahim. Dalam pertandingan menari pula disandang oleh saudara S. Kirubanathan dan naib johan jatuh kepada saudara Bakuruddin. Dalam pertandingan teka kacang saudara Ahmad Nasruddin bin Ahmad telah meneka jumlah yang paling hampir iaitu 399 biji di mana jumlah kacang yang sebenar ialah 401 biji. Tahun ini terdapat 24 hadiah-hadiah cabutan bertuah telah disediakan. Majlis Makan Malam tahun ini telah berjaya menghiburkan para hadirin dan majlis berakhir jam 11.00 malam.

AS

SUMBER LEHAM

KAU AFRIKA

Kau dilahirkan
dalam kegelapan
kegelapan kemanusiaan
kemiskinan dan kelaparan
ketiadaan gandum dan makanan
keputusan air
dalam kekontangan
kemarau nan panjang


Namun kau jenerasi sezaman
tak mengerti erti derita
dan sengsara nan tajam
kelaparan dan kebuluran
tetap menjadi penghuni dunia
Afrika bumi yang kontang

Manusia mati bergelimpangan
bukan kerana peperangan
tetapi kerana kebuluran
dan kanak-kanak ketangisan
kehausan dan kelaparan

Setitis hujan sebiji gandum
bakal mengubah bumimu Afrika
seihsan kemanusiaan
bantuan dipinta
agar kau dapat hidup lama

Oh! Tuhan Yang Perkasa
Yang Memiliki alam maya
padaMu ku pinta
pulihkan bumi Afrika
dari segala petaka.

ARH.



Warna warna hidup

Langkahku terhenti tiba tiba
bila kakiku tersentuh dinding kaca
tebal dan putih,


mataku terpandang cacatan merah
yang indah hiasannya dikaca itu.

Lalu kuketuk dinding dinding kaca yang putih bersih
terpancar bunyi bagai guruh di langit yang hitam.


Kuarah mataku disebalik kaca kaca putih tadi
mulanya,
aku terpandang arca putih, arca biru
kurenungi lagi,
aku ternampak arca arca itu berubah
kelabu dan hitam.

Semakin darenung
semakin hitam
dan hitam.

ad - 14/10/86



"Bukan perpisahan yang kutangis,
tetapi pertemuan yang kukesali."



-RR

PERADUAN MENULIS ESEI

Oleh kerana sambutan yang kurang memuaskan, Sidang Pengarang JENDELA telah memutuskan bahawa tarikh tutup Peraduan Menulis Esei dilanjutkan sehingga 25 Februari 1987 (Rabu). Hadiah-hadiah menarik juga telah disediakan: \$20.00 bagi pemenang, dan dua hadiah saguhati sebanyak \$10.00 setiap pemenangnya.

TAJUK: BAGAIMANA HENDAK BEKERJA DENGAN CEKAP DAN BERKESAN

Syarat-syarat penyertaan:

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua kakitangan Perpustakaan, kecuali ahli-ahli Sidang Pengarang JENDELA.
2. Setiap penyertaan mesti disertai dengan borang penyertaan di bawah. JANGAN menulis nama anda di atas esei.
3. Penilaian esei akan mementingkan ide atau cadangan yang berkesan dan praktikal.
4. Panjang esei tidak boleh melebihi 2000 patah perkataan.
5. Keputusan pihak pengadil adalah muktamad.
6. Penyertaan yang lengkap, bersama borang penyertaan di bawah, mesti dihantar kepada SIDANG PENGARANG JENDELA (Peraduan Menulis Esei), d/a Lillian Woon, Bahagian Bahan-Bahan Bersiri & Dokumen, Perpustakaan selewat-lewatnya pada 25 Februari 1987.
7. Semua penyertaan yang diterima akan menjadi hak kepunyaan JENDELA, dan Sidang Pengarang mempunyai hak untuk mengubahsuaikan esei-esei yang terpilih untuk dicetak di dalam JENDELA.

BORANG PENYERTAAN PERADUAN MENULIS ESEI

NAMA:

BAHAGIAN:

Untuk kegunaan Sidang Pengarang

BIL. PESERTA:

TARIKH DITERIMA:

PERHUBUNGAN AWAM *

- Cara Berhubung Dengan Orang-Orang Lain

apakah PERHUBUNGAN AWAM?

- P.A. ialah pandangan orang-orang awam terhadap seseorang atau pertubuhannya

YA	Adakah dia bersopan?	TIDAK
YA	Adakah dia bekerja dengan berkesan?	TIDAK
YA	Adakah dia mengambil berat tentang saya?	TIDAK



SETIAP ORANG mempunyai P.A. - baik atau buruk ... yang diingini atau tidak!

PERHUBUNGAN AWAM yang dirancang bererti kelakuan yang dicerminkan dengan :

I SIKAP anda kepada diri dan orang lain



II PENGETAHUAN anda dalam bidang anda supaya dapat membantu orang lain



III KEMAHIRAN anda dalam ber-komunitasi dengan orang lain



INGAT P.A. selalunya bermula dengan anda!

I Yang penting sekali ialah SIKAP anda...
- terhadap diri sendiri

6 cara untuk menguji sikap PA anda

1. Adakah anda mempunyai keinginan untuk belajar dan membantu orang lain belajar?



5. Mahukah anda embangkan diri - iaitu bekerja lebih dari yang diharapkan oleh orang lain?

2. Adakah anda menunjukkan semangat apabila bercakap dengan orang lain?

6. Adakah anda mempunyai perasaan humor supaya anda juga dapat kegemaran dalam kerja anda?

3. Adakah anda sanggup berubah .. eksperimen, mencuba cara baru?

4. Adakah anda sanggup bekerja untuk berdisiplin pemikiran dan usaha anda supaya menyelesaikan tugas?

- dan terhadap orang lain



Adakah anda benar-benar berminat terhadap orang lain dan masalah mereka?



Adakah anda cuba memahami pandangan orang lain ... dan mengapa mereka memikir dan bertindak pada sesuatu ketika?



Adakah anda sanggup mendengar dan belajar dari orang lain?



Adakah anda faham kepentingan kerjasama - tolong menolong dan bukan kritikan - untuk mencapai sesuatu matlamat?

INGAT... KEPADA ORANG LAIN ANDA IALAH PERTUBUHAN YANG DIWAKILI ITU

II Adakah anda berpengetahuan dalam bidang anda ?

① Adalah penting untuk mengetahui gambaran besar dulu

PERTUBUHAN ANDA

- Matlamatnya
- Prinsip-prinsipnya
- Rancangannya
- Ahli-ahlinya
 - siapakah mereka & apakah peranan mereka



5


Selepas itu ...

② Adakah anda sedar tentang keadaan kini



supaya dapat menolong orang lain mengemas-kini maklumat mereka ?

③ Tahukah anda tentang peranan anda dalam pertubuhan anda



supaya anda dapat bekerja sama dengan orang lain secara berkesan ?

④ Tahukah anda tentang kerja anda ?



supaya anda dapat bekerja dengan cekap dan selesaikan tugas-tugas ?

⑤ Adakah anda bersedia untuk kerja yang lebih berat pada masa depan ?



Adakah anda sedang menyediakan diri untuk memikul lebih tanggung-jawab ?

6

III Perhubungan Awam anda bergantung kepada kemahiran anda dalam KOMUNIKASI

- adakah orang mendengar ? Adakah mereka percaya apa yang dikatakan oleh anda ? Dapatkah anda menyampaikan mesej anda ?

UNTUK BERKOMUNIKASI ANDA MESTI BERGOPOR

① TEPAT

• Dalam menghadiri mesyuarat

• Dalam menalipon

• Dlm menjawab surat



② Hormatilah hak-hak orang lain dengan berhubung melalui saluran resmi



Apakah perasaan diri sendiri jika anda diketepikan dalam komunikasi

③ Habiskan proses komunikasi dan mengakukan bantuan orang lain

④ Ambil berat tentang masa orang lain

• Jangan cakap terlalu lama

• Jangan ganggu ketika orang lain sedang bercakap

Terima kasih



7

... dan, untuk berkomunikasi anda juga mesti menjadi

jelas

supaya orang lain dapat fahamkan mesej anda

Tepat ?
Sudahkah anda meliputi semua hal yang perlu ?

Pengenalan ?
Adakah nama anda dimasukkan ?

Pendek ?
Sudahkah padamkan perkataan, tambahan ?



Mudah ?
Adakah anda guna perkataan yang senang difahami ?



AMBIL MASA
UNTUK
MENGHASILKAN
KOMUNIKASI YANG
JELAS

17

8

- dan akhirnya, untuk berkomunikasi, anda mesti berkelakuan BAIK dan PERAMAH supaya orang lain akan suka dan percayakan pada anda

Bagaimana Menjadi Peramah

"be YOURSELF"



Jangan berpura-pura tetapi letakkan diri dalam keadaan orang lain dan fahamkan mereka

DENGAR percakapan orang lain

Tetapi belajar supaya mengarah percakapan itu ke arah yang berfaedah



MEMUJI

- cari hal-hal orang lain untuk memuji - tetapi pujian anda patut benar



SENYUM selalu

- dapatlah kegemaran dari kerja anda - tetapi jangan ketawakan orang lain



SATU CARA UNTUK MENGUJI DIRI

Bolehkah anda menolak sesuatu dan masih tinggalkan pandangan yang peramah?

Ingat bahawa SETIAP ORANG

... adalah seorang individu

... patut diberi penghormatan

... mempunyai hak untuk memberi pendapat dan perasaan persendirian




... ada hak untuk membuat keputusan sendiri

TUGAS ANDA IALAH UNTUK MENYESUAIKAN MESEJ ANDA DENGAN TUJUAN-TUJUANNYA


(Ini adalah prinsip asas KOMUNIKASI)

Jadi, gunakan kesopanan, kejelasan dan kelakuan peramah sebagai sebahagian PERHUBUNGAN AWAM anda, sama ada KOMUNIKASI anda merupakan :

1. TERTULIS



2. TERCAKAP



3. Bukan tertulis atau tercakap


laitu cara diri anda dipandang



- Kelihatan
- Pakaian
- Tindakan, tabiat

dan "AWAM" itu

terdiri daripada individu-individu



YANG SUKA

1. Tugas yang dibuat dengan baik
2. Orang yang ber-sopan
3. Senyuman

YANG TAK SUKA

1. Tugas yang tak dibuat dengan baik
2. Orang yang tak bersopan
3. Muka masam




Dihak AWAM (seperti individu) adalah sensitif ...



dan ia boleh menukarkan sikapnya dengan cepat

sebuah
PERTUBUHAN
juga terdiri daripada
ramai
INDIVIDU



dan kepada orang awam, setiap
individu dalam PERTUBUHAN

ADALAH
PERTUBUHAN ITU

13.

Jadi...

Sekiranya anda seorang ahli
dalam sebuah PERTUBUHAN



ANDA adalah

DUTA pertubuhan itu
yang bertanggungjawab
atas Perhubungan Awam

... dan pendapat orang awam
terhadap pertubuhan itu
terpulang kepada usaha


ANDA

14.


* Diterjemahkan dari Hamidah Karim. *Public Relation Skills for Secretaries*. 1988

Kami mengucapkan ribuan terima kasih
kepada semua kakitangan yang telah sudi datang
ke majlis perkhawinan kami tempoh hari.

- MD NOOR &
NORHANIZA




Yvonne Rasen wishes all her
Chinese colleagues
A Happy Chinese New Year




Selamat menyambut Hari Krismas kepada semua kakitangan
yang beragama Kristian, Selamat Tahun Baru 1987 kepada
semua kakitangan Perpustakaan dan Gong Xi Fa Cai kepada
semua kakitangan Cina.

- Angela & keluarga







*Selamat
Menyambut
Krismas,
Tahun 1987
&
Tahun Baru Cina*

*daripada
Kakitangan
Perpustakaan Kampus
Lawangan Perak*




**SELAMAT
MENYAMBUT
KRISMAS &
GONG XI FA CAI**

**DARIPADA
QUAH KUNG HAI**



MERRY CHRISTMAS, NORRIS
FROM
SKS MEMBERS



Wishing all Christians a
MERRY CHRISTMAS and all
Chinese, a Prosperous
CHINESE NEW YEAR and to
everybody, HAPPY NEW YEAR!

- Catherine

BORANG PENILAIAN

Tujuan penilaian ini adalah untuk mendapat maklumbalas mengenai JENDELA - aspek-aspek kekuatan dan kekurangannya. Kami juga mengharapkan cadangan-cadangan yang membina supaya dapat membantu kami mengeluarkan buletin yang lebih menarik dan berfaedah.

Segala maklumat yang diberi dalam borang ini akan dianggap sebagai sulit.

Sila kembalikan borang ini kepada: Cik Lillian Woon, Bahagian Bahan-Bahan Bersiri dan Dokumen atau En. Aznan bin Omar, Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Perkembangan.

1. Pada pendapat anda, apakah tujuan JENDELA diterbitkan?

2. Apakah yang anda sukakan tentang JENDELA?

3. Apakah yang anda kurang puashati mengenai JENDELA?

4. Apakah jenis perkara/isu/hal yang anda rasa patut dikeluarkan dalam JENDELA?

5. Berikan cadangan-cadangan anda bagaimana JENDELA boleh dipertingkatkan lagi dari segi mutu atau persembahannya.